



KENYATAAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 27/2023

FESTIVAL SENI HIDUP 2023 SERLAHKAN KEUNIKAN WARISAN BUDAYA TIDAK KETARA 13 NEGARA

KUALA LUMPUR, 21 Oktober 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) menganjurkan Festival Seni Hidup@*Living Arts Culture Festival (LACF)* pada 20–22 Oktober 2023 bertempat di LaLaport Bukit Bintang City Centre (BBCC), Kuala Lumpur. Program tiga hari ini yang bermula pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam menghimpunkan kesenian yang antaranya telah diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO), Warisan Kebangsaan serta kesenian yang kurang diketengahkan dan seterusnya menjadi pencetus kepada usaha pemuliharaan dan pemeliharaan.

Penganjuran program ini memperlihatkan komitmen Malaysia dalam melindungi warisan budaya tidak ketara sejajar dengan Teras 3 Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN), iaitu memfokuskan kepada usaha pemeliharaan dan pemuliharaan, seterusnya memastikan kelangsungan seni budaya menjadi agenda penting jabatan ini. Selain itu, kerjasama serampang dua mata bagi memperkenalkan keindahan kepelbagaian warisan budaya pelbagai negara juga menjadi titik tolak dalam memperkukuhkan persahabatan dan kerjasama strategik dalam seni budaya.

Tahun ini LACF menampilkan penglibatan 13 negara iaitu Malaysia, Argentina, Azerbaijan, Belarus, Filipina, India, Indonesia, Kazakhstan, Mauritius, Mexico, Republik Arab Mesir, Sri Lanka dan Uzbekistan. Sebanyak 20 warisan budaya tidak ketara diketengahkan dengan 10 daripadanya tersenarai di bawah UNESCO seperti Mak Yong & Songket (Malaysia), Chhau (India), Tango (Argentina & Belarus), Sega

Mauritius Tradisional (Mauritius), Azerbaijani Mugham (Azerbaijan), Megkhambagu (Filipina), Korkyt Ata (Kazakhstan), Lazgi & Bakhshi (Uzbekistan), dan kesenian dari Sri Lanka, Mexico, Indonesia dan Republik Arab Mesir.

Para pengunjung juga berpeluang menyaksikan persembahan Sayau Moginum daripada etnik Tatana di Kuala Penyu, Sabah, dan juga Seladai daripada etnik Melanau di Sarawak yang buat julung-julung kalinya dipertontonkan di Semenanjung Malaysia. Selain itu, terdapat juga Piriang Injak Badarai dan Tapuak Gelembong (Republik Indonesia), Pensol iaitu sejenis seruling hidung oleh Orang Asli Semai dan Mek Mulung (Malaysia), Tarian Rakyat Mexico (Mexico), tarian Pooja dan Gajaga Wannama (Sri Lanka).

Selain memaparkan persembahan kesenian negara-negara tersebut, pelbagai pengisian lain turut diadakan dengan kerjasama erat Malaysian Craft Council (MCC), Local Community (LOCCO), Persatuan Penggiat Seni Budaya Daerah Kuala Langat (PESAT), Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd., serta rakan-rakan penaja seperti LaLaport BBCC, Hotel Sheraton Imperial Kuala Lumpur dan Menara Kuala Lumpur.

Orang ramai turut berpeluang menyertai tiga pengisian pencungkilan bakat sempena LACF 2023 iaitu Pertandingan Nyanyian Lagu Rakyat Malaysia, Pertandingan Ratu Kebaya Cilik (terbuka untuk kanak-kanak berusia 5-12 tahun), dan Cabaran Joget (Duo). Bersempena LACF 2023, MCC turut melaksanakan *Kuala Lumpur Exchange 2023* yang memfokuskan kepada pemerksaan golongan artisan kraf. Antara pengisian adalah *Pekansari Marketplace* dengan mengetengahkan kepelbagaian produk pengusaha kraf, *Cultural Runaway* (Peragaan Busana Tradisional), Demonstrasi Pembuatan Wau dan Batik, serta Bengkel Songket, Kelingkan dan Telepuk dengan sesi perkongsian bersama pemain industri.

Usaha dan inisiatif mengangkat Kebaya sebagai calon di bawah kategori “*The Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity*” UNESCO turut disokong oleh LOCCO dengan pengisian Lenggang Kebaya. Pengunjung LaLaport BBCC digalakkan berbusana kebaya pada 21 Oktober 2023. Selain itu, LOCCO turut menampilkan pengisian Berkisah iaitu perkongsian ilmu daripada sudut sejarah dan warisan kebaya di Malaysia oleh Puan Zubaidah Sual, Gaya Berkebaya iaitu Demonstrasi Berkebaya Gaya Cina Peranakan disampaikan oleh Dr. David Hock Jin

Neo dan Rai Merai iaitu persembahan kesenian oleh pelajar Kolej Pengajian Seni Kreatif UiTM. Pengunjung turut berpeluang mencuba menari tarian Joget yang telah diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan pada tahun 2012. Penonton juga bakal disajikan dengan interaktif realiti terimbuh (AR) Mek Mulung dan Songket, serta Pameran Kebaya Lama. Pengunjung juga boleh menyaksikan persembahan-persembahan ini di Terminal 1 KLIA, KLCC dan Menara Kuala Lumpur.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai LACF-2023 sila layari laman web JKKN iaitu www.jkkn.gov.my ataupun *facebook* melalui pautan www.facebook.com/mysenibudaya dan <https://www.facebook.com/LivingArtsCultureFestival>.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi:

Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Penolong Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN eldawati@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 019-8091805
--	--